

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/1

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Jun

$2\frac{1}{4}$ jam

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

1103/1 © 2011 Hak Cipta Kerajaan Malaysia






Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan pengangkutan awam di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN PENGANGKUTAN AWAM**Pengangkutan Udara****Pengangkutan Air****Pengangkutan Darat**

Memudahkan
Perhubungan

Mengurangkan
Kesesakan
Lalu Lintas

Menjimatkan Masa
dan Kos

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap individu digalakkan supaya mempunyai hobi bagi mengisi masa lapang. Huraikan faedah-faedah yang diperolehi daripada sesuatu hobi.
- 2 Sesetengah pihak berpendapat bahawa ibu bapa kurang memberikan perhatian kepada anak-anak yang meningkat remaja berbanding dengan perhatian yang diberikan semasa anak-anak di sekolah rendah. Berikan komen anda.
- 3 Industri kraf tangan seperti anyaman, ukiran dan tenunan semakin berkembang dan mendapat perhatian. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Potensi Industri Kraf Tangan di Malaysia'. Tulis rencana itu selengkapnya.
- 4 Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa. Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

- 5 *Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.*

Pantun di atas bermaksud budi dan jasa seseorang itu akan tetap dikenang walaupun sudah meninggal dunia.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud pantun tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT